



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN

MALAYSIA CADANG PERTINGKAT DAN PERKUKUH SUMBANGAN BANK PELABURAN INFRASTRUKTUR ASIAN BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KEWANGAN IKLIM NEGARA AHLI

Malaysia telah mencadangkan supaya Bank Pelaburan Infrastruktur Asian (*Asian Infrastructure Investment Bank* atau AIIB) menerapkan mekanisme pembiayaan yang inklusif serta memenuhi keperluan khusus negara-negara membangun.

Timbalan Menteri Kewangan I, YB Datuk Seri Ahmad Maslan telah menyampaikan kenyataan Malaysia tersebut di mesyuarat tahunan AIIB yang berlangsung dari 25 hingga 26 September 2023 di Sharm El-Sheikh, Egypt.

Dalam ucapannya di sesi *Governors' Business Roundtable* pada 25 September 2023, YB Datuk Seri Ahmad turut menyatakan pendirian Malaysia supaya AIIB meneroka pilihan pembiayaan alternatif seperti geran dan mekanisme kewangan campuran (*blended financing*), selaras dengan prinsip perkongsian risiko yang saksama dalam kewangan Islam. Ini dapat menggantikan model pembiayaan awam seperti pinjaman penuh untuk membantu negara-negara membangun menerimapakai amalan-amalan mesra iklim.

Usaha ini akan mempercepatkan peralihan negara-negara tersebut ke arah ekonomi rendah karbon. Tambahan lagi, masyarakat yang terkesan dengan perubahan iklim akan menerima manfaat melalui strategi adaptasi yang dapat mengurangkan risiko dan bahaya iklim seperti banjir, tanah runtuh atau ribut taufan.

Mesyuarat tersebut merupakan mesyuarat tahunan yang kelapan bagi AIIB dan diadakan buat pertama kalinya di Benua Afrika serta dilaksanakan secara fizikal selepas pandemik.

AIIB dianggotai oleh 107 negara ahli dan berfungsi sebagai sebuah bank pembangunan multilateral yang bertujuan menyokong pembangunan ekonomi mampan, dan menggalakkan kerjasama serantau dalam menangani isu dan cabaran pembangunan negara-negara anggota. Malaysia menganggotai AIIB pada tahun 2016.

Kementerian Kewangan

Putrajaya

27 September 2023